

Anak muda mampu pengaruhi tanggapan, pupuk harmoni

BELIA Singapura harus rasa betapa pentingnya usaha menyenggara dan meningkatkan hubungan antara kaum dan agama di sini.

Sama penting juga adalah melihat lebih ramai anak muda meningkatkan pemahaman terhadap agama di sekeliling.

Pandangan itu disuarakan Encik Ow Yeong Wai Kit, 27 tahun, penggiat antara agama. Beliau berkecimpung dalam usaha memperkukuh hubungan silang agama sejak menuntut di Universiti Nasional Singapura (NUS) dulu.

“Hakikat sebenarnya ialah belia hari ini mampu mempengaruhi tanggapan sesebuah agama, terutama dengan adanya media sosial. Masukan blog atau pos Facebook boleh mencetuskan kebencian dan berpotensi mencetus keganasan.

“Mereka perlu memahami kesan tindakan mereka dalam isu-isu kaum dan agama. Mereka juga mempunyai kuasa mempengaruhi sikap belia lain tanpa disedari,” ujar pendidik itu.

Encik Ow Yeong terlibat dalam usaha menyokong keharmonian agama di Singapura selama lebih tujuh tahun. Beliau teruja melihat banyak persatuan daripada pelbagai kepercayaan di kampus. Beliau juga sering menyertai sesi dialog antara agama di NUS.

“Saya menjadi presiden Persatuan Buddhist NUS dari 2010 hingga 2011 dan ingin mempelajari secara lebih mendalam tentang kepercayaan lain.



ENCIK OW YEONG WAI KIT: Belia mampu mempengaruhi sesama sendiri ke arah keharmonian antara agama. – Foto TUKIMAN WARJI

“Dengan bantuan persatuan lain di NUS, kami menganjurkan beberapa sesi dialog antara agama, selain melakukan lawatan ke tempat ibadah dan mengadakan perbincangan dengan pemimpin agama sebagai penceramah,” ujarnya.

Beliau juga menerbitkan kumpulan puisi silang agama di sini berjudul *From Walden to Woodlands*, suntingan bersama penulis Melayu muda, Encik Muzakir Samat.